

Nombor Pendaftaran Malaysia mula dibuka

SEREMBAN: Nombor pendaftaran kenderaan 'Malaysia' mula dibuka semalam dengan Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook memulakan bidaan pertama pada jam 10 pagi semalam. Beliau membuat bidaan bagi nombor pendaftaran 'Malaysia 509' dengan nilai RM1,509 bersempena kemenangan Pakatan Harapan pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), pada 9 Mei lalu.

Katanya, nombor pendaftaran khas membabitkan 10,000 siri bermula dengan 'Malaysia 1' hingga 'Malaysia 9999' dibuka sehingga 15 Ogos ini sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-61.

Terbuka kepada semua

Katanya bidaan terbuka kepada semua mengikut empat kategori nombor pendaftaran iaitu nombor bernilai utama dengan bayaran minimum RM10,000, menarik (RM2,000) dan popular serta semasa masing-masing berharga RM300. "Tiada pengecualian diberikan untuk menempah nombor pendaftaran termasuk menteri. Saya sendiri datang ke JPJ (Jabatan Pengangkutan Jalan) untuk menempah dan sesiapa sahaja boleh bida nombor ini. "Bagaimanapun, untuk nombor pendaftaran 'Malaysia 2020' ditawarkan kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan ia terpulang kepada beliau," katanya pada sidang media selepas membuat tempahan nombor pendaftaran khas itu di JPJ Negeri Sembilan di sini, semalam. Mengulas lanjut, Siew Fook berkata, semua rakyat Malaysia boleh membuat tempahan di JPJ seluruh negeri dan hasil bidaan akan disumbangkan kepada kerajaan.

Jana hasil memberangsangkan

"Tawaran nombor pendaftaran istimewa ini djangka mampu menjana hasil memberangsangkan kepada kerajaan kerana berdasarkan penjualan nombor pendaftaran indeks siri 'F' sebelum ini merekodkan hasil sebanyak RM22 juta," katanya. Beliau berkata, pengumuman akan dibuat pada 29 Ogos dan selepas itu, pemilik boleh membuat pendaftaran, seterusnya menggunakan nombor pendaftaran istimewa itu sebelum Hari Kebangsaan.

SUMBER: BERITA HARIAN | M/S: 5 | 2 OGOS 2018